

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

**HSM 311 - Pergerakan Protes di Tanah Melayu, Sarawak dan
Sabah dalam abad ke-19 dan Awal abad ke-20**

Tarikh: 17 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN(8) SOALAN.

Jawab **EMPAT(4)** soalan.

1. Dalam bukunya Protector? Chandra Muzaffar menganggap rakyat Melayu sebagai sentiasa pasif, patuh dan taat kepada raja, pembesar dan pemimpin mereka. Adakah ini bermaksud rakyat Melayu pada masa dahulu tidak pernah membantah raja atau pembesar?
2. "Sifat-sifat tradisinya yang kuat menempatkan perlawanan Pahang ke dalam tahap perlawanan tradisi, tetapi ternyata peristiwa itu telah mempunyai unsur-unsur sebagai tanda-tanda pertama ke arah gerakan nasionalisme, suatu transisi permulaan dari tradisionalisme ke modernisme, atau tahap protonasionalisme." (Jang Aisjah Muttalib, Pemberontakan Pahang, 1891-1895).

Bincangkan.

3. "Walaupun Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menganggap kekacauan yang wujud sebagai tindakan yang menyentuh kehormatannya atau penderhakaan rakyat kepada baginda, tetapi dari pandangan rakyat ternyata tindakan mereka itu bukanlah merupakan satu penderhakaan." (Timah Hamzah, Pemberontakan Tani 1928 di Trengganu).

Bincangkan

4. Sejauh manakah peperangan yang berterusan di antara tahun-tahun 1842 - 1908 antara pentadbiran Brooke bagi satu pihak dan orang Melayu dan orang Iban bagi pihak yang lain merupakan konflik antara kolonialisme dan tradisionalisme?

5. Bincangkan aspek-aspek millenarianisme dan "social protest" dalam pemberontakan di Rundum (Sabah) pada tahun 1915.
6. Bolehkah kegiatan-kegiatan kongsi-gelap-kongsi-gelap Cina dan Melayu di Tanah Melayu pada abad ke-19 dianggap sebagai "jenayah-jenayah sosial"?
7. Golongan Kaum Tua pernah mengecap golongan Kaum Muda di Tanah Melayu pada tahun 1920-an sebagai "Komunis". Adakah istilah ini sesuai untuk mensifatkan ideologi Kaum Muda itu?
8. Adakah rancangan Parti Komunis Malaya sehingga 1930-an lebih dipengaruhi oleh dasar-dasar Komintern menentang imperialisme Barat atau oleh cita-cita nasionalisme?

-ooo000ooo-